



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

120 PELATIH PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT TABUR BAKTI DI KEM INTEGRASI PKM 2015

PERLIS, 4 OKT – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah berjaya menghimpunkan seramai 120 orang pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) dari seluruh Negara untuk menabur khidmat bakti dalam melaksanakan kerja-kerja komuniti bersama masyarakat setempat di Kem Integrasi PKM 2015 yang merupakan tahun kedua diadakan pada tahun ini.

Menurut Menteri, YB Dato Sri Rohani Abdul Karim, PKM merupakan salah satu perintah alternatif yang boleh dikenakan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 Tahun di bawah Seksyen 293 (e) (i) Kanun Tatacara Jenayah.

“PKM bermatlamat untuk memberi pengajaran dan pencegahan terhadap pesalah muda daripada mengulangi jenayah pada masa hadapan, seterusnya mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat,” katanya kepada pemberita di Majlis Perasmian Penutup Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat 2015 di sini hari ini.

Statistik menunjukkan bahawa sejak PKM diperkenalkan pada tahun 2008 sehinggalah Jun 2015, seramai 3,892 orang pesalah muda telah diperintahkan menjalani PKM yang mana seramai 2,851 orang telah tamat menjalani perintah dengan jayanya, maka, ini menunjukkan bahawa PKM adalah berkesan sebagai suatu hukuman alternatif terbaik dalam memberi peluang kepada pesalah muda untuk kembali ke pangkuan masyarakat berbanding sekiranya mereka dimasukkan ke penjara.

“Kem Integrasi ini merupakan kemuncak bagi program yang dianjurkan oleh JKM di peringkat negeri dan daerah bagi tahun ini dan segala program yang dilaksanakan sebenarnya bukan sekadar hukuman kepada pelatih PKM malahan ianya juga melibatkan program kesedaran bagi ibu bapa untuk meningkatkan kemahiran ibu bapa membimbing dan menyediakan khidmat sokongan terhadap pelatih,” kata Rohani.

Tambah beliau lagi, JKM juga telah memperkenalkan satu inisiatif baharu kepada pelatih PKM iaitu bagi pelatih yang berminat dan berkebolehan, mereka akan diberikan bantuan geran pelancaran dalam pelbagai bidang keusahawanan

seperti pemasangan 'tile', pendawaian elektrik, menjahit sofa dan langsir serta perniagaan salon rambut bagi meningkatkan kerjaya mereka dalam bidang keusahawanan.

"JKM juga akan turut sama menjalankan kolaborasi bersama beberapa syarikat yang menyediakan skim latihan kepada peserta berminat dan secara tidak langsung akan memberikan peluang pekerjaan kepada mereka.

Antara perancangan lain yang telah disusun adalah untuk menjadikan peserta ini sebagai peserta 1AZAM KPWKM yang mana bantuan akan diberikan bagi menjalankan perniagaan seperti peralatan kedai makanan, peralatan mencuci kereta serta beberapa pakej yang bersesuaian dengan peserta," katanya lagi.

"Saya berharap agar sebaik sahaja selesai menghadiri kem ini, masyarakat akan memberi persepsi yang baik dan betul terhadap para pelatih memandangkan mereka telah pun menjalani hukuman jadi sewajarnya mereka diintegrasikan semula dalam masyarakat. Stigma negatif dan diskriminasi tidak akan terjadi atas dasar keterbukaan penerimaan oleh masyarakat," tegasnya.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Hajah Rela Ahmad, Exco Kebajikan Negeri Perlis, YBhg Dato' Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBrs Encik Che Samsuzuki Che Noh, Pengarah Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM, Tuan Hj Zaimi Abdul Rani, Pengarah JKM Negeri Perlis, Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM dan JKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6,9-18,
No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.
No. Telefon : 019-233 3110 (Haneem) / 012-3768760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 4 Oktober 2015